

Qalam

KDN 434

156 Safar 1383, Julai 1963 60 sen

Majlis Penasihat Islam Singapura

Lantikan bagi ahli-ahli baharu Majlis Penasihat

Islam Kerajaan Singapura bagi tahun 1963 ini

telah dilaksanakan dan telah disiarkan di dalam Warta Jabatan Kerajaan. Di antara orang-orang yang dilantik itu ada beberapa orang baharu – selainnya adalah orang-orang lama termasuk Encik Ahmad bin Mohamed Ibrahim, Peguam Agung Kerajaan Singapura, sebagai Nait¹ Pengerusinya.

Pada penghujung tahun 1962, apabila persoalan berkenaan perkara-perkara kahwin lebih dari satu dan perkara-perkara cerai, kahwin ramai menjadi perbahasan dan kedudukan ahli-ahli majlis diulas diberitakan Encik Ahmad Ibrahim telah meletakkan jawatannya menjadi ahli Majlis Penasihat Islam, sebab beliau sendiri tentunya terasa dan merasa bahawa ada baiknya beliau tidak menjadi ahli Majlis itu dengan kerana kedudukan beliau, selain daripada menjadi ahli Majlis itu adalah beliau menjadi Peguam Agung Kerajaan sudah barang tentu bahawa jabatan beliau itulah yang merangka suatu undang-undang, kalau berkenaan atau mengenai orang-orang Islam, akan

dikemukakan kepada Majlis itu meminta nasihatnya dan sudah barang tentu tidaklah molek kalau beliau membuatnya, atau sekurangnya ada kena mengena dengan gubalan undang-undang yang dibuat itu, beliau sendiri pula menyertai persetujuannya dan membahasnya di dalam Majlis Penasihat Islam apa lagi pengaruh beliau sememangnya besar di dalam Majlis itu.

Sebab itulah perletakan jawatan beliau dahulu disambut baik dan dihargakan dan dipandang sebagai suatu langkah kerajaan Singapura yang terpuji menghendaki supaya pegawai-pegawai kerajaan tidak ada sangkut paut di dalam Majlis itu sedang kalau terbit suatu perkara yang berhajat kepada penjelasan maka patutlah diminta pegawai-pegawai itu hadir untuk menjelaskannya - bukan memhas²nya.

Tetapi siaran rasmi kerajaan yang menyiarkan semula nama beliau sebagai Naib Pengerusi Majlis Penasihat Islam itu adalah memerlukatkan dan bukan itu sahaja tetapi mendukacitakan. Campuran beliau ke sana bolehlah kita pandang mengeruhkan lagi perasaan orang ramai kerana daripada apa yang telah berlaku dan pernah kita ulas di dalam rencana kita bahawa kedudukan pegawai-pegawai kerajaan, terutamanya yang ada sangkut pautnya dengan jabatan di Majlis itu adalah sangat-sangat tidak diperkenani dan sangat-sangat kelak mempengaruhi fikiran ahli-ahli Majlis itu kepada perkara-perkara yang dianjurkan oleh kerajaan sehingga apabila terbit suatu perkara yang mengenai hukum-hukum Islam untuk orang-orang Islam terus sahaja mendapat bahasnya dan bangkangan ramai dan dipandang bukan

¹ Perkataan sebenarnya ialah Naib

² Perkataan sebenarnya ialah membahasnya.

dari pada hukum-hukum Islam. Ini dapat dilihat tentang perkara yang terjadi di dalam Rang Undang-undang Hukum Orang-orang Islam yang ditarik untuk disemak semula. Perkara yang sedemikian itu dengan sendirinya menerbitkan sangkaan-sangkaan yang tidak digemari ke atas majlis itu seolah-olah membuat sesuatu undang-undang hukumnya bertentangan dengan hukum Islam untuk digunakan *makhṣūṣ* kepada orang-orang Islam sahaja.

Kita berharap dengan sangat kerajaan Singapura menimbang dan memikirkan semula tentang kedudukan seorang yang memegang jawatan yang mustahak seperti Peguam Agung itu untuk memegang sesuatu jawatan di dalam sebuah Majlis yang selalu perkara-perkaranya ada sangkul paut dengan jabatannya.

Kita berharap supaya Encik Ahmad bin Mohamed Ibrahim tidaklah duduk di dalam Majlis itu untuk menjauhkan daripada segala prasangka bahawa majlis itu sebenarnya tidak mewakili suara umat Islam Singapura. Dengan pandangan ini tidaklah bermakna yang kita tidak menghargakan kelayakan dan kebolehan beliau. Kebolehannya adalah kita sanjung dan hormati tetapi kedudukannya di dalam jabatannya adalah menjadi sebab beliau menurut pandangan kita tidak molek beliau duduk sebagai ahli Majlis Penasihat Islam.

* * *

Penampungan Kanak-Kanak Yang Tak Terkawal

Di kota-kota besar, terutamanya seperti Singapura ini, banyak tempat-tempat hiburan dan banyak hal-hal yang boleh

dipandang; dan banyak pula tempat-tempat yang boleh merehatkan diri dan menjauhkan diri berhari-hari dari rumah seseorang. Ini biasanya berlaku bagi kanak-kanak yang baharu meningkat kepada umur sepuluh dengan lima belas tahun.

Kanak-kanak seperti ini mulanya banyak bercampur dengan kawan-kawannya dan lalu tidak berapa mengendahkan pelajarannya yang didapatnya di sekolah-sekolah. Dengan itu maka mulailah lemah pelajarannya dan lama-kelamaan lalu kemahuan untuk belajar hilang langsung. Kanak-kanak itu keluar dan masuk rumahnya dengan sesukanya sahaja sedang ibu bapanya, terutamanya ayahnya pada umumnya tidak banyak masanya di rumah.

Kanak-kanak yang umurnya peringkat seperti ini banyak berkeliaran di sana sini dan banyaklah daripada mereka yang tidak dapat meneruskan sekolahnya daripada sekolah rendah kepada sekolah menengah kerana umumnya mereka jatuh di dalam peperiksaan dan kemahuan belajar tidak ada.

Mereka akhirnya bercampur dengan kanak-kanak nakal, mengukur jalan siang malam, dan jarang mereka menjadi kanak-kanak yang baik kerana mereka sentiasa bercampur dengan kanak-kanak nakal. Umumnya ibu bapanya tidak dapat mengawal mereka kerana masing-masing dengan halnya.

Untuk menghadapi kanak-kanak nakal, kerajaan telah mengadakan satu tempat mereka belajar terkenal dengan nama “Sekolah Jameson”. Di sana, kanak-kanak yang telah melakukan kejahatan atau melanggar undang-undang negeri diperintahkan ditahan di sana untuk dididik. Ini satu langkah yang